

Thanhya mampu kuasai enam bahasa



Thanhya (tengah) ditemani ibunya, Parvathy Suppeah, 46, dan bapanya, Puspakaran Kesayan, 46, bergambar bersama rakan sepasukan dari kumpulan An-Najah, semalam.

SINAR HARIAN (SENTRAL) 15 AGOS 2016 - M/S 36

KUANTAN – Kesungguhan murid tahun lima, P Thanhya Pharassanna Naidu, 11, untuk menyertai Pertandingan Kalam Jamaie (choral speaking) membuahkan hasil apabila pasukan sekolahnya berjaya menduduki tempat kedua dalam Pertandingan Kalam Jamaie Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-8 2016 yang diadakan di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di sini, semalam.

Thanhya yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Ahmad Tajuddin, Jitra merupakan pelajar bukan Islam yang bukan hanya fasih berbahasa Arab, malah memahami setiap bait kata yang dilafzkannya.

Thanhya juga boleh menguasai enam bahasa termasuk Bahasa Melayu, Inggeris, Tamil, Mandarin, Arab dan Siam.

“Saya boleh cakap bahasa Arab sejak umur tiga tahun lagi sebab ayah kerja pendaras di se-

buah universiti Arab Saudi.

“Bila balik ke Malaysia dan sekolah di sini, saya tertarik nak masuk pertandingan ini walaupun pada awalnya syarat penyertaan hanya untuk murid Islam sahaja,” katanya.

Namun, selepas syarat penyertaan dirombak kembali dan penyertaan terbuka kepada semua warga Malaysia, Thanhya terpilih untuk mewakili sekolahnya sehingga berjaya ke peringkat kebangsaan.

Walaupun tidak pandai membaca al-Quran dan menulis tulisan jawi, Thanhya mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan baik.

Dalam pertandingan tersebut, johan dimenangi kumpulan An-Naim dari Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan, Tumpat dan berjaya membawa pulang piala pusingan dan setiap peserta menerima medal setiap seorang.

Manakala tempat ketiga dimenangi Khairatul Ihsan dari Sekolah Tanjung Piandang, Kerian.